

SPRM pantau 70 anggota, pegawai agensi penguat kuasa

Kakitangan JSPT kena reman didakwa terima rasuah lindungi pemandu lori

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih 70 pegawai dan anggota pelbagai agensi penguat kuasa di utara Semenanjung dikatakan berada dalam pemantauan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ia susulan tangkapan 12 pegawai kanan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Polis Pulau Pinang kerana dipercayai melindungi pemandu lori lebih muatan, kelmarin.

Sumber berkata, semua pegawai dan anggota penguat kuasa itu disyaki menerima rasuah bernilai ratusan ribu ringgit sebulan bagi menutup kesalahan seperti lebih muatan atau pembocoran maklumat awal berkaitan operasi akan dijalankan.

Katanya, mereka dipercayai menerima bayaran antara RM10,000 hingga RM30,000 sebulan sebagai dorongan untuk melindungi pemandu lori lebih muatan dengan tidak mengambil tindakan, selain dijangka ditahan dalam tempoh terdekat.

“Operasi khas ini terbahagi kepada beberapa fasa memabatkan 12 orang termasuk pegawai kanan yang mengetuai jabatan penguat

kuasa pada peringkat negeri sudah ditahan kelmarin dan permohonan reman ke atas mereka dibuat pagi ini (semalam).

“Tangkapan ini susulan keluhan pemandu lori yang mendakwa terpaksa membayar wang sogokan kepada pegawai penguat kuasa jika mahu memandu di negeri di utara tanah air tanpa gangguan atau tindakan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, 12 pegawai kanan JSPT Pulau Pinang berusia 31 hingga 59 tahun ditahan iaitu 11 orang di sekitar negeri itu, manakala seorang lagi di Kuala Lumpur dalam operasi khas SPRM, antara jam 9 pagi hingga 6 petang.

Berdasarkan siasatan awal, wang rasuah diterima kumpulan itu dianggarkan berjumlah hampir RM500,000 dengan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Mengenai hasil risikan kes itu, sumber memaklumkan, ada pemandu lori didakwa diugut kumpulan penguat kuasa terbabit, jika gagal membayar wang sogokan.

Selain itu, katanya, kumpulan terbabit dikatakan meminta syarikat logistik berhenti merasuah mereka bagi suatu tempoh untuk mengelak menjadi perhatian SPRM.

Bagaimanapun, kegiatan itu dikatakan kembali seperti sedia kala, selepas setahun kes tahanan dilakukan ke atas puluhan penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dilakukan, April tahun lalu.

“Ini menyebabkan gelombang kedua operasi membanteras ke-



11 pegawai dan seorang anggota polis JSPT Pulau Pinang direman 7 hari bagi membantu siasatan melindungi kesalahan pemandu lori di Mahkamah Majistret Jenayah, Georgetown, semalam. (Foto BERNAMA)

giatan sedemikian dilakukan dengan suspek kebiasaannya melakukan pemindahan wang menggunakan akaun milik ejen, ahli keluarga atau rakan pegawai terbabit.

“Ada antara mereka meminta ‘pampasan’ bagi beberapa bulan ‘yang direhatkan’ seketika itu, selain kegiatan mereka dipercayai bermula sejak Julai tahun lalu, iaitu tiga bulan selepas tangkapan ke atas penguat kuasa JPJ di Pulau Pinang.

“Mereka pada mulanya takut dan semua pemindahan wang digantung selama dua bulan (Mei dan Jun 2019), bagaimanapun bayaran bagi Julai dikatakan perlu digandakan sebagai ‘pampasan’ untuk bulan sebelumnya.

“Bayaran boleh dibuat secara segera apabila sesebuah lori didapati mempunyai masalah dalam sekatan jalan raya.

Bagaimanapun, terdapat skim bayaran bulanan bagi mendapatkan ‘perlindungan’ daripada penguat kuasa,” katanya.

Di Pulau Pinang, 11 pegawai dan seorang anggota polis direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kegiatan rasuah didakwa bagi melindungi kesalahan pemandu lori di negeri ini.

Perintah reman itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Sesyen/Majistret Georgetown, Nur Fadrina Zulkhairi selepas membenarkan permohonan dikemukakan SPRM.

Suspek berusia antara 31 hingga 59 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17 (A) Akta SPRM 2009. Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki turut mengesahkan berhubung penahanan itu.

Sementara itu, di Pasir Mas, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, meluahkan rasa kecewanya susulan anggota dan pegawai polis ditahan SPRM kerana disyaki melindungi pemandu lori lebih muatan.

Beliau berkata, impak buruk akibat rasuah seolah-olah tidak memberi kesan terhadap psikologi pihak terbabit sedangkan pelbagai amaran dan nasihat sudah diberikan.

Justeru, katanya, beliau mengalu-alukan tindakan SPRM jika ada maklumat berhubung salah laku membabitkan pegawai atau anggota polis.

Namun, pihaknya belum menerima laporan lengkap mengenai kes 11 pegawai serta seorang anggota JSPT Polis Pulau Pinang ditahan SPRM kerana disyaki ter-

babit rasuah serta direman tujuh hari bermula semalam untuk membantu siasatan.

“Saya memang kecewa dan lebih menyedihkan ialah ahli keluarga terpaksa menanggung kesan jika perbuatan itu dilakukan.

“Apabila tertangkap, tiada lagi sesalan kerana sudah cukup larangan, amaran dan nasihat diberikan,” katanya selepas menghadiri Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Kelantan, di sini, semalam.

Difahamkan, pegawai ditahan termasuk berpangkat Superintendan, Asisten Superintendan dan Inspektor.

Abdul Hamid berkata, pihaknya akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam siasatan kes itu.

“SPRM akan melengkapkan kertas siasatan untuk proses pendakwaan jika bukti mencukupi. Sekiranya tidak cukup standard untuk pendakwaan, mereka akan serahkan kepada polis untuk tindakan disiplin.

“Saya masih tidak berputus asa. Melalui Jabatan Pengurusan, saya akan terus berusaha memberi kesedaran kepada pegawai dan anggota bagi mengelakkan pengambilan rasuah,” katanya.